

11 JAN 2003

MAJLIS NGO BANTU KERAJAAN BANGUNKAN NEGARA

KOTA BAHARU, 11 Jan (Bernama) -- Majlis Pertubuhan Bukan Kerajaan (Majlis NGO) Kelantan yang diluluskan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan baru-baru ini akan berperanan dalam menjelaskan isu-isu semasa kepada rakyat berhubung pembangunan negara.

Pengerusinya Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata penubuhan majlis itu bertepatan dengan kehendak kerajaan yang inginkan rakyat mendapat faedah yang lebih cepat dan berkesan melalui peranan NGO.

"Kita gabungkan semua NGO seluruh Kelantan dalam satu majlis bagi berbincang bersama untuk mencari kata sepakat supaya peranannya lebih berkesan," katanya ketika kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kepada bakal haji dar kalangan bekas anggota tentera, anjuran Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM).

Dr Awang Adek yang juga Pengerusi Tenaga Nasional Berhad berkata terdapat 40 dan 50 buah pertubuhan bukan kerajaan di Kelantan yang bergiat aktif dalam pelbagai bidang yang memberi kebaikan dan kebajikan kepada rakyat.

Beliau berkata antara yang terbesar ialah PBTM yang mempunyai keanggotaan kira-kira 20,000 orang di samping Persatuan Belia 4B.

Katanya sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan pada 15 Jan ini Majlis NGO akan turut menyambut ketibaan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MNR RAR HM